

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	01 MAY 2017

KL, Jakarta tolak resolusi Parlimen Eropah: PM

BH - 1/5/2017

➔ Gesaan supaya EU henti guna minyak sawit bakal jejas pekebun kecil di negara anggota ASEAN



Malaysia dan Indonesia sepakat berganding menentang ancaman terhadap industri kelapa sawit, susulan tindakan Parlimen Eropah yang mengaitkannya dengan pennebanan hutan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang membangkitkan isu itu pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-30 kelmarin, berkata pandangan Malaysia berhubung perkara itu mendapat sokongan padu Presiden Indonesia, Joko Widodo.

Beliau berkata, ia susulan resolusi Parlimen Eropah yang mengesakan Kesatuan Eropah (EU) menghentikan penggunaan minyak sayur-sayuran termasuk sawit dalam

biodesel menjelang 2020 kerana penghasilannya didakwa membatalkan penebangan hutan.

“Kepentingan negara kita akan terjejas jika resolusi ini dilaksanakan, termasuk nasib kira-kira 600,000 pekebun kecil sawit di Malaysia dan 2.4 juta di Indonesia.

“Presiden Jokowi menyatakan sokongan supaya Malaysia, Indonesia dan Thailand terbabit secara langsung menentang ancaman ini. Kita akan cuba pengaruhi EU untuk tidak melaksanakan resolusi itu.

Jejas pasaran sawit di Eropah

“Kesannya bakal menutup pasaran minyak sawit Malaysia dan Indonesia bagi sektor EU,” katanya kepada media Malaysia sebelum berlepas pulang ke tanah air semalam selepas menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-30.

Delegasi negara ke persidangan berakhir kelmarin itu turut disertai Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Se-

ri Mustapa Mohamed serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, negara anggota ASEAN wajar memiliki kad markah bagi mengenal pasti pencapaian semasa dalam usaha mengurangkan paras halangan tanpa tarif (NTB) dan pendekatan tanpa tarif (NTM).

Mengusulkan saranan itu pada pertemuan kelmarin, Najib berkata, kaedah sama pernah dilaksanakan ketika gagasan 10 negara itu berlumba mengejar masa ke arah pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN sebelum menjadi kenyataan pada 2015.

“Usaha bersepadu dan komitmen jitu perlu digerakkan jika ASEAN ingin mencapai sasaran mengembangkan nilai dagangan daripada AS\$2.6 trilion kepada AS\$9.2 trilion menjelang 2050.

“Hambatan terbesar dihadapi selama ini ialah peningkatkan NTB dan NTM. Perangkaan semasa menunjukkan kedua-duanya melon-



Presiden Jokowi menyatakan sokongan supaya Malaysia, Indonesia dan Thailand terbabit secara langsung menentang ancaman ini. Kita akan cuba pengaruhi EU untuk tidak melaksanakan resolusi itu”

Najib Razak,
Perdana Menteri

jak daripada 1,634 kepada 5,975 antara 2000 hingga 2015.

“Kad markah di setiap negara anggota akan membolehkan kita menentukan langkah perlu diambil untuk mengurangkan NTB dan NTM serta mengenal pasti bila pengurangan dapat dilakukan.

“Selain berupaya memantau pencapaian, kita juga boleh mengurangkan kos perdagangan terutama pelaburan dan prosedur membabitkan kastam,” katanya.

Sementara itu, Abdul Rahman yang turut mengulas tindakan Parlimen Eropah mengaitkan industri sawit dengan penebangan hutan, berkata tindakan itu boleh ditentang secara berkesan jika ASEAN melakukannya dalam satu suara.

“Jika EU boleh larang produk kita, ASEAN juga berhak tunjuk kekuatan, lawan semula.

“Isu ini boleh melarat dengan tindakan tegas ASEAN hingga menjejaskan kepentingan EU di rantau ini. Kita tak mahu keadaan berlarutan hingga tahap itu,” katanya.